

## APAKAH JENAYAH SEKSUAL?

Kesalahan seksual di Singapura termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

- Rogol;
- Serangan seksual dengan penembusan;
- Penembusan seksual ke atas budak di bawah umur
- Pengantunan seksual ke atas budak di bawah umur;
- Penderaan seksual dan eksploitasi ke atas kanak-kanak atau orang muda;
- Perolehan aktiviti seksual dengan mereka yang kekurangan upaya dari segi akal atau pemikiran;
- Mencabul kehormatan.

**Jenayah seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Pihak Polis memandangkan kesemua laporan jenayah seksual dengan serius.**

Jika anda seorang mangsa jenayah seksual atau tahu seseorang yang menjadi mangsa jenayah seksual, laporkan perkara tersebut kepada pihak Polis. Anda boleh membuat laporan tidak kira bila ia berlaku. Membuat laporan secepat mungkin boleh membantu memelihara bahan bukti. Maklumat yang anda berikan kepada pihak Polis boleh membawa si penjenayah ke muka pengadilan dan menghalang orang lain daripada mengalami nasib yang sama.

## KHIDMAT SOKONGAN

Jika anda seorang mangsa jenayah seksual atau tahu seseorang yang menjadi mangsa jenayah seksual, perkhidmatan-perkhidmatan berikut boleh memberikan anda sokongan dan nasihat:

### PROJEK START CARE CORNER

Menyediakan akses mudah kepada bantuan bagi mangsa

Hubungi: **6476-1482** (Mon – Fri: 10am – 1pm, 2pm – 5pm; except public holidays)

E-mel: [projectstart@carecorner.org.sg](mailto:projectstart@carecorner.org.sg)

Web: <https://www.carecorner.org.sg/services/sexual-assault-recovery/>

### TALIAN BANTUAN ANTIKEGASANAN DAN GANGGUAN SEKSUAL NASIONAL (NAVH)

*Untuk melaporkan dan meminta bantuan berkaitan dengan kegasanan, penderaan, atau kecuaihan, termasuklah kegasanan seksual dan gangguan seksual*

Talian Bantuan: **1800-777-0000** (24 jam)

Borang Laporan Dalam Talian: <https://go.gov.sg/navh>

### PAVE

*Sebuah perkhidmatan bersepadu bagi kegasanan keluarga, perlindungan kanak-kanak dan penderaan seksual*

Tel: **6555-0390** (Isnin – Jumaat: 9 pagi – 1 tengah hari, 2 petang – 6 petang; kecuali hari cuti umum)

E-mel: [intake@pave.org.sg](mailto:intake@pave.org.sg)

### SAMARITANS OF SINGAPORE (SOS)

*Berikan sokongan emosi kepada mereka yang sedang menghadapi krisis, yang memikirkan tentang membunuh diri, atau terjejas dengan bunuh diri*

Talian Hotline: **1767** (24 jam)

WhatsApp CareText: **9151 1767** (24 jam)

CareMail: [pat@sos.org.sg](mailto:pat@sos.org.sg)

### SHECARES@SCWO

*Pusat sokongan sehati untuk mangsa atau mereka yang terselamat daripada bahaya dalam talian*

Talian Bantuan: **8001-01-4616** (Isnin – Jumaat, 9 pagi – 9 malam)

Talian Pesanan Whatsapp: **6571 4400** (Isnin – Jumaat, 9 pagi – 9 malam)

E-mel: [shecares@scwo.org.sg](mailto:shecares@scwo.org.sg)

### PUSAT TRANS SAFE

*Sebuah pusat pakar perlindungan yang bekerjasama dengan individu, keluarga dan masyarakat ke arah hubungan yang selamat*

Tel: **6449-9088** (Isnin – Jumaat: 9 pagi – 5 petang; kecuali hari cuti umum)

E-mel: [transsafe@trans.org.sg](mailto:transsafe@trans.org.sg)

### PROGRAM SOKONGAN SAKSI

*Menyediakan sokongan kepada saksi yang mudah terdedah kepada bahaya dalam kes jenayah, yang perlu memberi keterangan di mahkamah terhadap pelaku yang didakwa*

Talian Bantuan: **1800-JUSTICE** (1800-587-8423)  
(Isnin – Khamis: 8.30 pagi – 6 petang;  
Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang)

E-mel: [sc\\_centre\\_for\\_specialist\\_svcs@judiciary.gov.sg](mailto:sc_centre_for_specialist_svcs@judiciary.gov.sg)

Rujukan akan dibuat melalui pihak pendakwa



**SINGAPORE  
POLICE FORCE**  
SAFEGUARDING EVERY DAY



**Proses Siasatan dan  
Mahkamah**

**Hubungi 999 jika anda memerlukan bantuan segera dari pihak Polis, atau lawati Pusat Polis Kejiranan terdekat anda. Kami sedia untuk membantu anda pada bila-bila masa.**

## BAGAIMANAKAH PIHAK POLIS MENYIASAT JENAYAH SEKSUAL?

### SEMASA SIASATAN

Pihak Polis mengambil pendekatan yang lebih berpusat kepada mangsa dalam proses siasatan kami, yang termasuk i) menerima laporan, ii) mengadakan temu ramah dan pengambilan keterangan, iii) mengumpulkan bahan bukti, dan iv) merujuk kes kepada Pejabat Peguam Negara bagi ulasan untuk keputusan yang sesuai. Secara umumnya, kes-kes yang lebih kompleks mengambil masa yang lebih lama untuk disiasat. Kadangkala, proses siasatan dan Mahkamah boleh berlanjutan. Namun, terdapat langkah-langkah yang disediakan untuk menyokong mangsa sepanjang proses ini.

# 1

Jika laporan dibuat di NPC, seorang pegawai polis akan menemu ramah mangsa secara ringkas di dalam sebuah bilik yang sulit dan membantu mangsa dengan proses membuat laporan.



# 2

Seorang Pegawai Penyiasat (IO) yang telah dilatih khas untuk mengendalikan kes jenayah seksual akan menemu ramah dan mengambil keterangan daripada mangsa.



# 3

Mangsa boleh minta untuk berehat pada bila-bila masa. IO juga akan menawarkan khidmat Pegawai Jagaan Mangsa kepada mangsa untuk sokongan emosi.



# 4

Jika perlu, mangsa mungkin akan dibawa ke Pusat OneSAFE atau hospital untuk menjalani pemeriksaan perubatan forensik.



# 5

Sepanjang siasatan dijalankan, IO akan memberitahu mangsa perkembangan terkini dari masa ke masa.



### SEMASA PENDAKWAAN

Jika si pelaku didakwa di mahkamah, mangsa mungkin diperlukan untuk memberi keterangan di mahkamah. Terdapat langkah-langkah yang disediakan untuk menyokong mangsa semasa proses pendakwaan.

- Identiti mangsa akan dirahsiakan.
- Mangsa mungkin akan dibenarkan oleh mahkamah untuk memberi keterangan dalam perbicaraan tertutup, di belakang skrin fisikal di dalam bilik pembicaraan atau melalui pautan video di dalam sebuah bilik di luar bilik pembicaraan, supaya mangsa tidak perlu melihat si pelaku.
- Soalan yang tidak sesuai yang tidak ada kaitan dengan dakwaan tersebut tidak boleh ditanya kecuali jika pihak mahkamah membenarkannya.




Anda juga boleh menonton video di <https://go.gov.sg/spfvictimssupport> untuk maklumat lanjut mengenai membuat laporan kes jenayah seksual.

## PEMERIKSAAN PERUBATAN FORENSIK

Mangsa jenayah seksual mungkin dibawa ke Pusat Pemeriksaan Forensik Penganiayaan Sehati (OneSAFE), yang terletak di Kompleks Polis Cantonment, atau hospital untuk menjalani pemeriksaan perubatan forensik.

- Dikendalikan oleh seorang doktor dan jururawat untuk mencari dan mendokumentasikan kecederaan, mengambil calitan, dan mengumpulkan bahan bukti lain seperti baju dan sampel rambut.
- Pemeriksaan yang dilakukan secepat mungkin adalah yang paling berkesan kerana ini akan memelihara bahan bukti.
- Mangsa akan diterangkan prosedur sebelum pemeriksaan. Mangsa boleh bertanyakan soalan mengenai prosedur tersebut kepada doktor, jururawat atau IO.

Mangsa dinasihati untuk melaporkan kepada pihak Polis secepat mungkin supaya bahan bukti boleh dikumpulkan. Jika mangsa telah menukar pakaian mereka, mereka boleh meletakkan pakaian yang belum dicuci itu ke dalam sebuah beg plastik dan membawa pakaian tersebut ke balai polis.



Bilik Pemeriksaan Perubatan di Pusat OneSAFE

Semua maklumat adalah tepat pada 1 Jan 2026